




JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN



PANDUAN

**PEMBANGUNAN SOALAN
LATIHAN KEMAHIRAN
EDISI 2017**

PANDUAN PEMBANGUNAN SOALAN LATIHAN KEMAHIRAN

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Panduan ini bertujuan memberi penerangan mengenai tatacara pembangunan soalan latihan kemahiran bagi memenuhi keperluan unit kompetensi (CU) dalam *National Occupational Skills Standard* (NOSS). Objektif panduan ini adalah:
- i. Memandu arah pembangun soalan dalam membangunkan soalan latihan kemahiran;
 - ii. Memastikan soalan yang dibangunkan adalah sahih, boleh percaya dan mencukupi (cukup cakup); dan
 - iii. Menyelaras soalan latihan kemahiran bagi tujuan persijilan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Penilaian merupakan suatu proses membuat keputusan yang sistematik melibatkan pengenalanpastian, pemerolehan dan pentafsiran maklumat yang berguna bagi pertimbangan pilihan-pilihan keputusan berasaskan kepada sesuatu objektif pendidikan [Stufflebeam (1971), Thorndike dan Hagen (1977) dan Kubiszyn dan Borich (1996)]. Dari segi pengajaran dan pembelajaran, penilaian boleh didefinisikan secara ringkas sebagai satu proses sistematik untuk menentukan sejauh mana objektif pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah dan makmal dicapai.
- 2.2 Penilaian dalam konteks Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) adalah satu proses menilai tahap pengetahuan dan kemahiran serta sikap/amalan keselamatan/persekitaran seseorang calon yang mengikuti program latihan kemahiran yang dilaksanakan di pusat bertauliah. Penilaian dilakukan dengan menggunakan pelbagai kaedah yang sesuai bagi menilai keterampilan seseorang calon seperti yang dikehendaki.
- 2.3 Bagi memastikan kesahihan soalan yang dibangunkan, perkara berikut perlu diberi perhatian, iaitu:
- i. Konsep soalan;
 - ii. Jenis soalan sama ada soalan berbentuk objektif atau subjektif; dan
 - iii. Jadual Spesifikasi Ujian (JSU).

3. TAFSIRAN

3.1 Dalam panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“**calon**” ertinya mana-mana individu yang berdaftar dengan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran untuk mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) atau Penyata Pencapaian (PC).

“**kemahiran**” ertinya suatu kebolehan yang diperolehi dan yang diamalkan untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja dengan cekap.

“**kurikulum unit kompetensi (*Curriculum of Competency Unit - CoCU*)**” ertinya kurikulum yang dibangunkan berasaskan *Competency Profile* (CP) bagi sesuatu CU yang mengandungi komponen pengetahuan, kemahiran dan sikap serta tempoh latihan dan nilai kredit kemahiran bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

“**latihan kemahiran**” ertinya aktiviti yang berasaskan kerja dan berorientasikan industri yang bertujuan untuk mengadakan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang dikehendaki bagi pelaksanaan sesuatu tugas atau kerja dengan berkesan, cekap, dan termasuklah latihan ulang kaji, lanjutan, pengemaskinian dan khusus yang berkaitan dengan kerja.

“**penilaian pengetahuan**” ertinya mekanisma atau kaedah yang digunakan bagi menilai pengetahuan dan pemahaman calon mengenai apa yang telah dipelajari.

“**penilaian prestasi**” ertinya mekanisma atau kaedah yang digunakan bagi menilai kemahiran serta sikap dan amalan keselamatan dalam melaksanakan tugas, praktikal atau kerja amali yang ditugaskan.

“**pusat bertauliah**” ertinya suatu penyedia latihan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil.

“**respons**” ertinya jawapan atau tindakbalas yang diberikan oleh calon terhadap sesuatu soalan.

“**soalan**” ertinya alat yang digunakan untuk menilai pengetahuan, kemahiran dan sikap/keselamatan/persekitaran pada seseorang calon yang boleh dijadikan bukti keterampilan calon yang mengandungi tugas dan skema pemarkahan.

“**Standard**” ertinya Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang diwujudkan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652].

“**Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)/National Occupational Skills Standard (NOSS)**” ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut.

“**terampil**” ertinya kebolehan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran, keselamatan dan sikap yang dipelajari bagi melaksanakan sesuatu tugas diberikan.

“**unit kompetensi (CU)**” ertinya satu fungsi kerja utama bagi sesuatu bidang pekerjaan. Setiap CU mengandungi beberapa aktiviti/tugas bagi melengkapkan fungsi kerja utama yang boleh dinilai dan dipersijilkan secara berasingan.

4. KONSEP SOALAN

4.1 Klasifikasi Soalan

Soalan boleh diklasifikasi kepada dua (2) kategori iaitu:

- i. **Soalan Peningkatan** – soalan yang memerlukan calon mengingat kembali untuk memberi respons; dan
- ii. **Soalan Pemikiran** – soalan yang memerlukan calon berfikir untuk memberi respons.

4.2 Komponen Soalan

Terdapat empat (4) komponen soalan, iaitu:

- i. **Stimulus** – rangsangan (jika perlu) yang berbentuk teks atau grafik bagi memberi gambaran kepada situasi tugas. Stimulus hendaklah berkait rapat dengan tugas;
- ii. **Tugasan** – pernyataan dalam bentuk arahan lengkap bagi mendapatkan respons kepada soalan. Tugas hendaklah boleh memberi respons yang dapat membezakan tahap keterampilan calon;
- iii. **Arahan** – pernyataan yang menunjukkan bagaimana respons itu harus diberikan atau disampaikan oleh calon. Arahan yang dimaksudkan adalah terdapat dalam kata tugas; dan
- iv. **Jawapan/Peraturan Skema Pemarkahan** – panduan yang disediakan bagi menilai respons yang diberikan oleh calon. Jawapan/Peraturan Skema Pemarkahan adalah bergantung kepada jenis soalan yang digunakan, sama ada:
 - a. Soalan objektif : Pilihan jawapan yang betul; atau
 - b. Soalan subjektif : Panduan (skema) yang disediakan untuk memberi markah kepada respons calon.

4.3 Ciri-Ciri Soalan

Soalan yang berkualiti hendaklah memenuhi ciri-ciri berikut:

- i. **Keakuran**
 - a. **Standard** – perkara yang dinilai dan di mana penilaian itu dilaksanakan hendaklah merupakan sebahagian daripada CoCU bagi sesuatu CU dalam NOSS;
 - b. **Spesifikasi** – spesifikasi soalan yang dibangunkan hendaklah menepati JSU supaya penilaian yang dilaksanakan adalah setara dan seragam; dan
 - c. **Peluang** – peluang merujuk kepada kelengkapan (fasiliti) dan pengalaman pembelajaran calon. Calon hendaklah diberi peluang yang setara dalam mempelajari/mengalami perkara yang hendak dinilai.

ii. Ketepatan dan kejelasan

- a. Tepat Keterampilan** – soalan yang dibangunkan hendaklah menepati keterampilan yang ditetapkan;
- b. Tepat Kandungan** – soalan yang dibangunkan hendaklah menepati kandungan CoCU sesuatu CU; dan
- c. Kejelasan** – istilah, perkataan, ayat atau grafik yang digunakan semasa membangunkan soalan hendaklah jelas, tidak mengelirukan dan mudah difahami.

iii. Kesesuaian

- a. Penting** – soalan yang dibangunkan hendaklah menyatakan perkara penting yang perlu dikuasai oleh calon;
- b. Keadilan** – soalan yang dibangunkan tidak *bias* kepada kelompok tertentu (jantina, bangsa, agama, lokasi institut dll.) serta tidak menyinggung emosi, peribadi, kepercayaan, kebudayaan dan perkara sensitif sesuatu kaum; dan
- c. Aras Kesukaran** - soalan yang dibangunkan hendaklah menepati aras kesukaran yang ditetapkan, iaitu:
 - R** – Aras Rendah
 - S** – Aras Sederhana
 - T** – Aras Tinggi

Jadual 1: Aras Kesukaran Soalan Latihan Kemahiran

Aras Kesukaran	Contoh Kata Tugas	Kehendak	Contoh
<p><u>Aras Rendah:</u> Pengetahuan dan kebolehan mengingat semula kandungan sesuatu maklumat yang dipelajari.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Apakah - Berapakah - Berikan - Bilakah - Isikan - Labelkan - Namakan - Nyatakan - Pilih - Takrifkan - Senaraikan 	<ul style="list-style-type: none"> - Mengingat kembali semua fakta / maklumat / pemerhatian / prosedur / idea / takrif. - Menulis semula ingatan tentang sesuatu perkara. 	<p>Bagaimanakah cara saiz kabel elektrik ditentukan?</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Mengira perkadaran antara arus dan voltan. B. Merujuk kepada label pada kelengkapan elektrik. C. Mengira anggaran permintaan beban maksimum. D. Melihat panduan pengguna yang dibekalkan oleh pengeluar.

Aras Kesukaran	Contoh Kata Tugas	Kehendak	Contoh
<p><u>Aras Sederhana:</u></p> <p>Pemahaman dan kebolehan menggunakan pengetahuan serta tidak memperlihatkan implikasi terhadap pengetahuan tersebut.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Apakah - Bagaimanakah - Berapakah - Berikan - Berikan contoh - Bezakan - Bilakah - Hitung - Huraikan - Isikan - Jelaskan - Kirakan - Labelkan - Lakarkan - Mengapakah - Namakan - Nyatakan - Pilih - Senaraikan - Takrifkan - Terangkan 	<ul style="list-style-type: none"> - Menunjukkan pemahaman tentang maklumat yang diperolehi. - Dapat membezakan sesuatu. - Mentafsir idea. - Mengaplikasi maklumat. 	<p>Apakah hubungan antara arus, voltan dan rintangan?</p> <p>A. Arus berkadar terus dengan voltan dan rintangan.</p> <p>B. Arus berkadar songsang dengan voltan dan rintangan.</p> <p>C. Arus berkadar songsang dengan voltan dan berkadar terus dengan rintangan.</p> <p>D. Arus berkadar terus dengan voltan dan berkadar songsang dengan rintangan.</p>

Aras Kesukaran	Kata Tugas	Kehendak	Contoh
<p>Aras Tinggi:</p> <p>Kebolehan untuk membuat pertimbangan, merancang, mereka/mencipta dan menghasilkan sesuatu yang kreatif dari gabungan pelbagai unsur. Ini termasuk penghasilan sesuatu rancangan, rumusan, kaedah/prosedur atau cadangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Beri pendapat - Bincangkan - Justifikasikan - Nilaikan - Rancangkan - Rumuskan - Sarankan - Susunkan - Ulaskan 	<ul style="list-style-type: none"> - Mengingat, memahami dan mengkaji sesuatu perkara - Menganalisa atau membuat pertimbangan sesuatu perkara yang sah. 	<p>Susunkan langkah pelarasan <i>defrost timer</i> 24 jam mengikut turutan yang betul.</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Laras segmen <i>defrost timer</i>. II. Setkan masa pada <i>defrost timer</i>. III. Tentukan kekerapan dan tempoh <i>defrost</i>. IV. Tekan butang ujian bagi menguji kefungsiian <i>defrost timer</i>. <ul style="list-style-type: none"> A. I, II, III, IV B. II, III, I, IV C. III, I, II, IV D. IV, II, III, I

Nota:

1. Penerangan bagi contoh kata tugas boleh merujuk kepada Lampiran 1.
2. Contoh kata tugas tidak terhad kepada yang disenaraikan sahaja. Contoh lain boleh merujuk kepada Bloom Taxonomy (Cognitive, psychomotor atau affective domain), namun demikian penggunaan kata tugas bergantung kepada kesesuaian keterampilan yang hendak dinilai.
3. Tulisan bewarna merah merujuk kepada jawapan kepada setiap contoh soalan.

4.4 Keterampilan

Keterampilan ialah perkara yang dikenal pasti untuk dinilai berdasarkan CoCU bagi suatu CU. Dalam konteks latihan kemahiran, keterampilan terdiri daripada lima (5) kategori iaitu fakta, teori, prosedur, sikap dan keselamatan serta persekitaran.

- i. **Fakta** – fakta membawa maksud kepada sesuatu maklumat yang mempunyai kesahihan yang sah berdasarkan bukti-bukti yang jelas.

Contoh:

Apakah kod warna bagi pengalir bumi di dalam kabel boleh lentur (*flexible cable*)?

- A. Hijau berjalur biru.
- B. Hijau berjalur hitam.
- C. Hijau berjalur merah.
- D. Hijau berjalur kuning.

- ii. **Teori** – teori adalah perihal perbuatan, proses dan merumus kepada pernyataan yang ringkas dan tepat.

Contoh:

Mengapakah pemilihan lokasi perlu dilakukan sebelum unit penyaman udara dipasang?

- A. Menentukan jumlah beban haba yang sesuai.
- B. Menentukan saiz dan ketinggian sesebuah bangunan.
- C. Menentukan keperluan kerja pemasangan dengan pengguna.
- D. Menentukan jenis sistem dan kaedah pemasangan yang sesuai.

iii. **Prosedur** – prosedur adalah tatacara/proses/kaedah untuk menyelesaikan sesuatu tugas berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan.

Contoh:

Apakah kaedah yang digunakan untuk membengkokkan paip besi?

- A. Panaskan dengan menggunakan air panas.
- B. Panaskan dengan api yang perlahan dan bengkokkan.
- C. Masukkan pasir ke dalam paip, panaskan dan bengkokkan.
- D. Gunakan *spring* dan bengkokkan dengan pembengkok paip.

iv. **Sikap** – sikap memperlihatkan bagaimana seseorang calon itu bertindak dan berkelakuan mengikut keadaan tertentu semasa melaksanakan tugas yang diberikan.

Contoh:

Mengapakah arahan yang terdapat dalam manual peralatan perlu dipatuhi semasa melaksanakan kerja *splicing*?

- I. Mengelakkan peralatan rosak.
- II. Memastikan peralatan sentiasa bersih.
- III. Memastikan peralatan diguna dengan betul.
- IV. Memberi panduan untuk membuat senggaraan.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

- v. **Keselamatan dan Persekitaran** – keselamatan merangkumi tingkah laku dan langkah keselamatan yang perlu dipatuhi dengan mengambil kira persekitaran semasa melaksanakan tugas.

Contoh:

Pilih bahan yang sesuai ditempatkan di dalam stor bahan mudah terbakar.

- I. Kabel
- II. Petrol
- III. Alkohol
- IV. Tiub kuprum

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

5. SOALAN PENILAIAN PENGETAHUAN (OBJEKTIF)

Soalan objektif merupakan soalan yang mempunyai hanya satu jawapan sahaja untuk sesuatu soalan dan jawapan kepada soalan tersebut hendaklah tidak dipengaruhi oleh faktor kemahiran pemeriksa.

5.1 Bentuk soalan

Soalan jenis ini memerlukan calon memilih berdasarkan jawapan yang disediakan. Terdapat tiga (3) bentuk soalan jenis ini, iaitu:

i. **Soalan Aneka Pilihan** – soalan jenis ini mempunyai pilihan jawapan dan memerlukan calon memilih jawapan berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki. Soalan jenis ini terbahagi kepada dua (2) bentuk, iaitu:

a. **Soalan Satu (1) Pilihan** - soalan jenis ini mempunyai jawapan yang merupakan pilihan jawapan yang tepat atau paling sesuai.

Contoh 1:

Apakah jenis minyak pelinciran (*lubrication*) yang digunakan bagi *pitch* rantai yang halus?

- A. SAE 20
- B. SAE 30
- C. SAE 40
- D. SAE 50

Contoh 2:

Alat ini digunakan untuk memindahkan tanda-tanda daripada garisan pola kepada fabrik. Ia boleh dipadamkan dengan mudah dan boleh didapati dalam pelbagai warna. Lazimnya berbentuk segi tiga.

Namakan alat yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas.

- A. Kapur
- B. Roda surih
- C. Lilin tukang jahit
- D. Kapur tukang jahit

b. Soalan Aneka Gabungan – soalan jenis ini mempunyai lebih daripada satu gabungan jawapan yang tepat.

Contoh:

Apakah faktor yang menyumbang kepada hasil kimpalan berkualiti tinggi?

- I. Jenis sambungan.
 - II. Jarak arka yang betul.
 - III. Arus kimpal yang sesuai.
 - IV. Penggunaan elektrod yang sesuai.
-
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

*Contoh lain bagi Soalan Objektif boleh merujuk kepada **Lampiran 2.***

- ii. **Soalan Betul-Salah** – soalan jenis ini terdiri daripada beberapa pernyataan lengkap dan memerlukan calon untuk menentukan betul atau salah pernyataan yang diberi.

Contoh:






Arahan: Tandakan (\checkmark) pada pernyataan yang BENAR dan (X) pada pernyataan yang SALAH dalam ruangan yang disediakan.

- a. Dalam sistem transmisi gear, yang menggerakkan dipanggil gear pemacu dan gear yang digerakkan dikenali sebagai gear dipacu.
- b. Rantai perlu diletakkan minyak gris bagi mengelakkannya menjadi haus dengan cepat.
- c. Semua mesin atau peralatan di industri menggunakan sistem rantai yang sama.
- d. Bunyi bising yang dikeluarkan oleh talisawat (*belt*) disebabkan oleh talisawat (*belt*) yang kendur.

iii. **Soalan Padanan** – soalan jenis ini terdiri daripada senarai stimulus dan respons serta mengandungi arahan untuk memadankan kedua-duanya.

Contoh:

Arahan: Padankan simbol dan nama simbol di bawah.

1	
2	
3	
4	
5	

A	Gegelung sesentuh
B	<i>Push button</i> hidup (lazim terbuka)
C	<i>Push button</i> henti (lazim tertutup)
D	<i>Push button</i> dengan saling kunci
E	<i>Push button</i> lazim tertutup

5.2 Komponen Pembangunan Soalan Pengetahuan

- i. **Stimulus** – stimulus yang digunakan hendaklah:
 - a. mengandungi maklumat yang jelas dan relevan dengan tugas yang diberikan; dan
 - b. dinyatakan secara berkesan sama ada dalam bentuk pernyataan, rajah, jadual dan lain-lain.

- ii. **Arahan** – arahan yang digunakan hendaklah:
 - a. merupakan pernyataan bagaimana sesuatu respons itu harus diberikan; dan
 - b. terdapat dalam kata tugas.

- iii. **Tugasan** – tugas yang digunakan hendaklah:
 - a. jelas, tepat dan ringkas, tiada pembaziran perkataan sebagai hiasan (*window dressing*) serta menepati keterampilan;
 - b. mudah difahami dan bersifat tidak memerangkap (*non-tricky*);
 - c. tidak mengambil terus frasa daripada buku;
 - d. tidak memberikan bayangan kepada jawapan seperti penggunaan pertalian perkataan (*words association*);
 - e. mengelakkan tugas dalam bentuk negatif dan sekiranya perlu, penggunaannya hendaklah ditebalkan (**bold**);
 - f. idea utama soalan perlulah dinyatakan pada tugas bukan pada stimulus atau pilihan jawapan; dan
 - g. mengelakkan soalan berasaskan pendapat.

- iv. **Pilihan Jawapan** – pilihan jawapan yang disediakan hendaklah:
 - a. homogen dan selari dengan pilihan jawapan yang lain;
 - b. menggunakan tatabahasa yang sesuai dengan tugas;
 - c. serupa dan dalam kumpulan yang sama;
 - d. disusun secara logik berdasarkan:
 - Kronologi peristiwa;
 - Urutan nombor kecil kepada nombor besar; atau
 - Pernyataan pendek kepada pernyataan panjang
 - e. tidak bercanggah atau mempunyai makna yang sama;
 - f. tidak mengulang perkataan yang serupa dalam semua pilihan jawapan;

- g. tidak menggunakan jawapan negatif; dan
- h. tidak menggunakan perkataan penentu seperti selalu, sangat, lebih kurang, hanya dan lain-lain.

v. **Jawapan** – jawapan yang diberikan hendaklah:

- a. tepat atau paling sesuai dan tidak boleh dipertikaikan;
- b. homogen dengan pilihan jawapan yang lain; dan
- c. tidak ketara sebagai jawapan seperti sentiasa panjang atau diiringi dengan penjelasan.

vi. **Distraktor** – distraktor yang digunakan hendaklah berdasarkan ciri-ciri berikut:

- a. logik;
- b. homogen;
- c. tidak berkaitan;
- d. salah konsep;
- e. pilihan yang biasa (*familiar*) tetapi bukan jawapan; dan
- f. tidak menggunakan pernyataan yang sensitif.

5.3 Format Penulisan Soalan

Contoh Format 1:

Apakah perisian yang digunakan untuk mengakses internet? } 1.1

} 1.2

I. *Windows XP*
 II. *Mozilla Firefox*
 III. *Google Chrome*
 IV. *Internet Explorer* } 1.3

} 1.2

1.5 {
 A. I, II dan III
 B. I, II dan IV
 C. I, III dan IV
 D. II, III dan IV } 1.4

1.1	<ul style="list-style-type: none"> - Font (Arial, Saiz 11, Spacing 1.5). - Tanda soal (?) di hujung soalan apabila ada soalan pertanyaan dan dirapatkan dengan perkataan terakhir.
1.2	<ul style="list-style-type: none"> - Tekan 'Enter' sekali.
1.3	<ul style="list-style-type: none"> - Perkataan selain Bahasa Melayu mesti '<i>Italic</i>'. - Tanda noktah diletakkan pada setiap pilihan jawapan kecuali jawapan yang berangka, kata nama atau kata nama khas. - Setiap pilihan jawapan bermula dengan huruf besar.
1.4	<ul style="list-style-type: none"> - Susun atur pilihan jawapan homogen. - Mengikut susun atur pendek ke panjang atau kecil ke besar. - Tidak perlu letak noktah pada pilihan roman. - Mesti letak 'dan' pada pilihan jawapan roman. - Pilihan jawapan mesti lebih daripada satu.
1.5	<ul style="list-style-type: none"> - Angka roman (I, II, III, IV) dan huruf (A,B,C,D) hendaklah menggunakan huruf besar. - Mengandungi empat pilihan jawapan sahaja. - Ruang antara 1.3 dan 1.4 mestilah ditekan 'Enter' sekali.

Contoh Format 2:

Dalam satu litar elektrik, arus yang mengalir adalah 2A dan voltan bekalan adalah 6V. } 2.1

Kirakan nilai rintangan litar tersebut. } 2.2

- A. 3 Ω } 2.3
- B. 4 Ω }
- C. 6 Ω } 2.4
- D. 12 Ω }

2.1	- Soalan yang mempunyai stimulus. - Stimulus boleh dalam bentuk pernyataan, jadual, graf, rajah dll.
2.2	- Gunakan kata arahan pada tugas (contoh di atas: Kirakan).
2.3	- Jawapan dimerahkan.
2.4	- Distraktor mesti homogen dengan jawapan.

Contoh Format 3:


Pilih bahagian badan yang **tidak** perlu diukur untuk mendraf pola vest. } 3.1

- A. Bahu dan dada.
 - B. Pinggang dan labuh baju.
 - C. Pinggul dan labuh lengan.
 - D. Leher dan labuh paras pinggang.
- }
- 3.2

3.1	- Penekanan perkataan negatif mesti dihitamkan (bold). Contohnya bukan, tidak, salah dll. - Tiada tanda soal (?) jika tiada perkataan pertanyaan. Gantikan dengan noktah bagi ayat yang berbentuk arahan atau tugas.
3.2	- Pilihan jawapan hendaklah disusun mengikut pernyataan yang pendek di atas dan panjang di bawah.

Contoh Format 4:

Kaedah 1:



Berdasarkan rajah di atas, apakah *frozen dessert* yang sesuai dihidangkan menggunakan alat tersebut? } 4.3

Kaedah 2:

Apakah *frozen dessert* yang sesuai dihidangkan menggunakan alat seperti rajah di atas? } 4.4

- A. *Parfait*
- B. *Souffle*
- C. *Cheese cake*
- D. *Bombe alaska*

4.1	<ul style="list-style-type: none">- Soalan yang menggunakan stimulus bergambar.- Rajah mesti pada bahagian atas dan tengah tugas.- Rajah mesti hitam putih.
4.2	<ul style="list-style-type: none">- Namakan rajah.- Setiap perkataan bermula dengan huruf besar (<i>Capitalize Each Word</i>).- Semua stimulus bergambar mesti dinamakan dengan perkataan 'Rajah'.
4.3	<ul style="list-style-type: none">- Ayat yang merujuk stimulus bergambar mesti menggunakan perkataan 'Berdasarkan'.
4.4	<ul style="list-style-type: none">- Kaedah lain menulis ayat tugas bagi soalan yang mempunyai stimulus bergambar.

Contoh Format 5:

Apakah tujuan *Standard Operating Procedure* (SOP) dipamerkan pada mesin di bengkel?

} 5.1

- I. Sebagai panduan kepada pengguna.
- II. Hiasan untuk mencantikkan permukaan mesin.
- III. Menerangkan kesan sampingan penggunaan mesin.
- IV. Menunjukkan cara kerja yang perlu dipatuhi bagi penggunaan mesin.

} 5.2

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

} 5.3

5.1	- Perkataan singkatan seperti SOP mesti ditulis dengan lengkap. - Kata nama dalam Bahasa Inggeris perlu <i>Italic</i> .
5.2	- Pernyataan Roman hendaklah homogen.
5.3	- Gabungan pilihan jawapan hendaklah mengandungi dua atau tiga pilihan.

Nota: Templat bagi pembangunan soalan objektif adalah seperti di Lampiran 3.

6. SOALAN PENILAIAN PENGETAHUAN (SUBJEKTIF)

Soalan subjektif merupakan satu bentuk pertanyaan untuk menguji pengetahuan, pengalaman, kemahiran serta tahap kebolehan kognitif calon melalui respons secara tulisan.

6.1 Kategori Soalan

Terdapat dua (2) kategori soalan jenis ini, iaitu:

- i. **Soalan Respons Terbuka** – soalan jenis ini mengundang pelbagai kemungkinan respons daripada calon dan memberikan kebebasan yang luas kepada calon untuk menjawabnya. Jawapan yang diberikan adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan pengalaman kerja yang diperolehi oleh calon semasa mengikuti latihan kemahiran.

Contoh:

- a. Jelaskan kaedah yang perlu dilakukan dalam menilai kualiti dan kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan.
- b. Huraikan sebab-sebab *Standard Operating Procedure* (SOP) perlu dipamerkan pada setiap mesin di bengkel.
- c. Cadangkan langkah penambahbaikan bagi mengurangkan risiko kemalangan di bengkel kimpalan.

- ii. **Soalan Respons Terhad** – soalan jenis ini menghadkan respons calon melalui skop yang disoal. Respons yang diberikan adalah terhad kerana calon hanya memberikan jawapan sahaja atau jawapan dengan sedikit huraian. Soalan jenis ini digunakan untuk menilai pengetahuan dan kemahiran calon serta dibangunkan bermula dari aras rendah ke aras tinggi.

Contoh:

- a. Nyatakan jenis-jenis senggaraan peralatan latihan.
- b. Terangkan senggaraan jenis berkala yang dilakukan di bengkel kimpalan.
- c. Bandingkan antara senggaraan berkala dengan senggaraan pembaikan

6.2 Bentuk Soalan

Terdapat empat (4) bentuk soalan subjektif, iaitu:

i. Soalan Label (tidak menyediakan pilihan jawapan)


Penggunaan : Tahap 1 dan 2

Markah : 1 jawapan = 1 markah

Masa/ soalan : 5 minit

Contoh:

Namakan bahagian yang berlabel dalam rajah di bawah.



Rajah Sesiku Bergabung

(5 Markah)

Skema Jawapan:

- i. Kepala Pusat
- ii. Kepala Jangka Sudut
- iii. Kepala Sesiku
- iv. Pembaris Keluli Kekunci
- v. Kekunci

ii. Soalan Jawapan Pendek

Penggunaan : Tahap 1, 2 dan 3
Markah : 1 jawapan = 1 markah
Masa/ soalan : 5 – 10 minit

Contoh:

Senaraikan lima (5) jenis kikir yang biasa digunakan dalam bengkel kejuruteraan.

(5 Markah)

Skema Jawapan:

(* mana-mana 5 dari senarai jawapan)

BIL	JAWAPAN	MARKAH
i.	Kikir Segi empat	1
ii.	Kikir segi tiga	1
iii.	Kikir jarum	1
iv.	Kikir pipih nipis	1
v.	Kikir pipih kasar	1
vi.	Kikir bentuk pisau	1
vii.	Kikir bulat	1

Keseluruhan: 5 jawapan x 1 markah = 5 Markah

iii. Soalan Struktur

Penggunaan : Tahap 1, 2, 3, 4 dan 5
Markah : 1 jawapan = 1 markah
1 huraian = 2 atau 3 markah
Masa/soalan : 5 – 30 minit

Contoh:

Sebagai seorang Pembantu Eksekutif Sistem Komputer, anda ditugaskan untuk menjaga dan mengawasi penggunaan bilik *server* di syarikat. Sekiranya berlaku kerosakan pada *server*, anda harus membaiki sistem di dalam *server* tersebut. Proses membaik pulih sistem terbahagi kepada dua (2) peringkat iaitu prosedur *backup* dan prosedur baik pulih.

a. Huraikan lima (5) prosedur *back up* yang akan dilakukan.

(10 Markah)

b. Mengapakah pemulihan sistem perlu dilakukan sekiranya berlaku kerosakan pada sistem tersebut?

(4 Markah)

c. Cadangkan dua (2) tindakan yang boleh dilakukan untuk pelan pemulihan sistem. Berikan contoh untuk setiap cadangan tersebut.

(6 Markah)

Skema Jawapan:

a. Lima (5) prosedur *back up* yang dilakukan:

(* mana-mana 5 dari jawapan)

BIL	JAWAPAN	MARKAH
i	<i>Backup</i> kepada keseluruhan server semua data dan aplikasi termasuk <i>Operating System</i> (OS) dibuat pada setiap malam untuk semua server.	2
ii	<i>Backup</i> salinan data ke dalam pita atau media lain perlu dilakukan setiap hari untuk mengelakkan kehilangan data sekiranya berlaku kerosakan <i>hard disk</i> .	2
iii	Labelkan setiap media storan backup yang digunakan bagi memudahkan proses baikpulih dilaksanakan.	2
iv	<i>Backup</i> sistem aplikasi dan sistem operasi perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali bagi setiap keluaran versi terbaharu.	2
v	<i>Backup</i> untuk data dan sistem aplikasi/sistem operasi dicadangkan dibuat dalam tiga (3) salinan dan setiap satu disimpan di lokasi yang berlainan.	2
vi	Penetapan lokasi simpanan <i>backup</i> ini adalah untuk memastikan data-data kritikal/penting masih boleh diselamatkan.	2

Jawapan: 1 huraian x 2 markah = 2 Markah

Keseluruhan: 5 huraian x 2 markah = 10 Markah

b. Sebab dilaksanakan pemulihan sistem:

BIL	JAWAPAN	MARKAH
i	Objektif utama adalah untuk meminimumkan sebarang gangguan atau kerugian akibat ketidaksediaan.	2
ii	Pemulihan sistem amat perlu untuk memastikan kebolehsediaan dan kebolehcapaian.	2

Jawapan: 1 huraian x 2 markah = 2 Markah

Keseluruhan: 2 huraian x 2 markah = 4 Markah

c. Antara tindakan yang boleh dilakukan untuk pemulihan sistem:

BIL	JAWAPAN	MARKAH
i	Merumus dan menguji Pelan Pemulihan Bencana (<i>Disaster Recovery Plan</i>).	2
	Contoh: Rancang pelan pemulihan bencana selepas pelaksanaan sistem pengurusan pengauditan.	1
ii	Mengamalkan langkah-langkah salinan data dan lain-lain amalan baik dalam penggunaan ICT.	2
	Contoh: Menghapuskan virus, langkah-langkah pencegahan kebakaran dan amalan <i>clean desk</i> .	1

Jawapan: 1 tindakan x 2 markah = 2 Markah

Jawapan: 1 contoh x 1 markah = 1 Markah

Keseluruhan: (2 tindakan x 2 markah) + (2 contoh x 1 markah) = 6 Markah

iv. Soalan Esei

Penggunaan : Tahap 3, 4 dan 5

Markah : 1 jawapan lengkap = 10 – 20 markah

Masa/ soalan : 10 – 30 minit

Contoh:

Kualiti dan kepuasan pelanggan merupakan indikator penting dalam menentukan prestasi sesuatu produk bagi memenuhi permintaan pasaran.

Jelaskan secara terperinci empat (4) langkah dalam menilai kualiti dan kepuasan pelanggan.

(20 Markah)

Skema Jawapan:

BIL	JAWAPAN	MARKAH	MARKAH PENUH
i	Langkah 1: Mengetahui persepsi pelanggan.	1	
	Huraian 1: Pelanggan mentafsirkan sesuatu dengan cara yang berbeza walaupun berada dalam situasi yang sama.	2	
	Huraian 2: <u>(* mana-mana 1 dari jawapan)</u> Persepsi yang perlu dikenal pasti:	2	
	- apa yang pelanggan harapkan dalam perniagaan: - mengapa pelanggan berurusniaga dengan syarikat anda - apa yang menyebabkan pelanggan bertukar pembekal pada masa yang lalu - apakah yang pelanggan tetapkan untuk menerima prestasi kualiti perkhidmatan - apa yang boleh pelanggan terima sebagai kepuasan minimum mereka		5

ii	<p>Langkah 2: Menentukan kehendak, jangkaan, permintaan dan harapan pelanggan</p> <p>Huraian 1: Penilaian kepuasan pelanggan mesti merangkumi dan mencakupi apa yang pelanggan perlu dan inginkan daripada produk atau perkhidmatan yang ditawarkan.</p> <p>Huraian 2: Untuk menjayakan penilaian, amat penting mengetahui dan mempelajari apa kehendak pelanggan pada masa kini dan masa yang akan datang</p>	1 2 2	5
iii	<p>Langkah 3: Merapatkan jurang yang wujud antara pelanggan dengan pembekal</p> <p>Huraian 3: <u>(* mana-mana 2 dari jawapan)</u></p> <p>Banyak jurang yang wujud antara pelanggan dan pembekal. Menilai perbezaan ini merupakan satu kaedah untuk merapatkan jurang</p> <p>Semua perbezaan jurang adalah berdasarkan perbezaan persepsi antara apa yang pembekal fikir telah disediakan dengan apa yang pelanggan fahami dan terima</p> <p>Gunakan kaedah penilaian anda untuk memaklumkan kepada pelanggan apa yang anda fikir tentang keperluan mereka. Pastikan pelanggan maklumkan secara khusus tentang kehendak mereka.</p> <p>Perbezaan tanggapan merupakan jurang yang perlu</p>	1 2 2 2	5

	dirapatkan.		
iv	Langkah 4: Menilai tahap kepuasan pelanggan terhadap sesuatu produk/perkhidmatan	1	5
	Menjalankan kaji selidik (<i>survey</i>) bentuk soalan, skala dan komen untuk tujuan penambahbaikan perkhidmatan/produk	2	
	Peningkatan dapat dilihat apabila penyedia perkhidmatan/produk memperbaiki kualiti dan perkhidmatan pelanggan.	2	

Jawapan: 1 langkah x 1 markah = 1 Markah

Jawapan: 1 huraian x 2 markah = 2 Markah

Keseluruhan = 20 Markah

6.3 Tatacara Membangunkan Soalan

Berikut adalah tatacara membangunkan soalan subjektif bagi tujuan penilaian pengetahuan calon, iaitu:

- i. **Masa** – masa amat penting bagi membolehkan calon memberi respons terhadap soalan yang diberikan. Masa hendaklah:
 - a. ditetapkan untuk setiap soalan; dan
 - b. ditentukan mengikut bentuk soalan.

- ii. **Bentuk Soalan Subjektif** – bentuk soalan yang digunakan hendaklah ditentukan berdasarkan kepada tugas yang dibangunkan. Soalan subjektif boleh terdiri daripada soalan label, soalan jawapan pendek, soalan struktur atau soalan esei.

- iii. **Kaedah Pembangunan Soalan**
 - a. Arahan dalam soalan hendaklah jelas dengan menggunakan kata tugas yang sesuai. Kata tugas yang boleh digunakan adalah seperti Huraikan, Terangkan, Bincangkan, Bezakan, Bandingkan, Nilaikan, Rancangkan, Tunjukkan dan sebagainya;
 - b. Bagi soalan jenis esei, stimulus perlu disediakan;
 - c. Tugas yang perlu dilakukan oleh calon hendaklah jelas;
 - d. Bagi mengelakkan kekeliruan, istilah dan bahasa yang digunakan dalam soalan hendaklah spesifik; dan
 - e. Periksa dan uji kualiti soalan dengan mencuba terlebih dahulu dengan menulis jawapan bagi mengenal pasti kesukaran yang mungkin dihadapi oleh calon.

- iv. **Panduan Pemarkahan**
 - a. Bagi menjamin kebolehpercayaan soalan, peraturan/skema pemarkahan hendaklah disediakan bersama dengan soalan yang dibangunkan; dan
 - b. Markah bagi setiap soalan ditentukan mengikut bentuk soalan.

v. Skema Jawapan

- a. Skema jawapan yang disediakan hendaklah boleh menjawab soalan yang dibangunkan; dan
- b. Bagi menjamin kebolehpercayaan soalan, skema jawapan hendaklah lengkap dan menyeluruh.

Contoh:

Jika arahan soalan senaraikan tiga (3) peralatan yang digunakan untuk menyelenggara mesin, dan jawapan yang ada ialah lapan (8), maka skema jawapan yang perlu disediakan adalah lapan (8).

6.4 Format Membangunkan Soalan

Contoh Format:

Senaraikan lima (5) jenis kikir yang biasa digunakan dalam bengkel kejuruteraan.

(5 Markah) } 6.1

Skema Jawapan: }

6.2

(* mana-mana 5 dari senarai jawapan)

BIL	JAWAPAN	MARKAH
i	Kikir Segi empat	1
ii	Kikir segi tiga	1
iii	Kikir jarum	1
iv	Kikir pipih nipis	1
v	Kikir pipih kasar	1
vi	Kikir bentuk pisau	1
vii	Kikir bulat	1

6.3 { 6.4

6.5 { Keseluruhan: 5 jawapan x 1 markah = 5 Markah

6.1	Markah hendaklah diletakkan pada bahagian bawah sebelah kanan tugas.
6.2	Penulisan Skema Jawapan hendaklah bergaris dan berwarna merah.
6.3	Senarai jawapan berangka menggunakan roman kecil.
6.4	Skema jawapan dan markah hendaklah di dalam jadual.
6.5	Markah keseluruhan dinyatakan mengikut format.

7. SOALAN PENILAIAN PRESTASI

Soalan penilaian prestasi digunakan untuk menilai keterampilan calon dalam melaksanakan kerja/tugas yang diarahkan. Dalam SPKM, soalan penilaian prestasi merupakan alat utama yang digunakan untuk mengukur tahap keterampilan calon.

7.1 Komponen Pembangunan Soalan

Bagi membangunkan soalan penilaian prestasi yang sahih, boleh percaya dan mencukupi (cukup cakup), soalan yang dibangunkan hendaklah mengandungi perkara berikut, iaitu:

- i. **Keterampilan** – keterampilan ialah tajuk atau perkara yang dikenal pasti untuk dinilai berdasarkan CoCU sesuatu CU.

Contoh:

- a. Biak aruhan.
- b. Pasang server.
- c. Bina mini projek.
- d. Jahit pakaian korporat.

- ii. **Tempoh** – tempoh merujuk kepada tempoh penilaian di mana calon dibenarkan untuk melaksanakan kerja/tugas yang diarahkan. Tempoh penilaian hendaklah:

- a. satu (1) hingga lima (5) jam bergantung kepada kerja/tugas yang dijalankan. Tempoh penilaian ditentukan oleh pembangun soalan berdasarkan kepada:

- penilaian pakar;
- pra ujian; dan
- amalan industri.

- b. menggunakan nisbah 1:2. Contohnya, masa yang diambil semasa *pre-test* adalah 1 jam, maka tempoh penilaian prestasi hendaklah 2 jam (2 x 1 jam).

- c. dinyatakan dalam jumlah masa yang spesifik dan bukan dalam kadar masa.

Contoh: 3 jam 30 minit (bukan 3 hingga 4 jam).

- d. pemarkahan hanya akan diberi kepada kerja/tugas yang diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

iii. **Tugasan** – tugas adalah pernyataan yang lengkap, jelas dan mudah difahami supaya calon mengetahui kerja/tugasan yang perlu dilaksanakan sama ada menghasilkan produk, perkhidmatan atau keputusan. Pernyataan tugas hendaklah:

- a. mengandungi arahan dan stimulus. Idea utama soalan hendaklah dinyatakan pada tugas dan bukan pada stimulus – sila rujuk contoh 2 dan 3 kaedah penulisan penilaian prestasi.
- b. menggunakan kata kerja (arahan) yang merujuk kepada tahap keterampilan yang dinilai seperti mana yang dinyatakan dalam CU.

Contoh:

Anda dikehendaki memeriksa dan merombak rawat sistem brek ABS pada sebuah kenderaan yang mengalami kerosakan pada sistem mengikut cara kerja, penggunaan peralatan, bahan dan langkah keselamatan yang ditetapkan. Seterusnya isikan borang laporan yang telah disediakan.

iv. **Senarai Bahan** – senarai bahan adalah bahan guna habis yang digunakan untuk melaksanakan kerja/tugasan yang diarahkan sama ada untuk menghasilkan produk, perkhidmatan atau keputusan. Senarai bahan hendaklah:

- a. menyatakan kuantiti bahan dalam unit yang boleh diukur. Contoh: Bahan pencuci, minyak gris dll.
- b. ukuran hendaklah dalam unit metrik sahaja. Contoh: 5g, 8m dll.
- c. menyatakan nisbah bilangan bahan dengan bilangan calon yang digunakan. Jadual 2 menunjukkan format jadual senarai bahan.
- d. Spesifikasi khas untuk sesuatu bahan hendaklah dinyatakan di dalam ruangan bahan. Contoh: kertas A4 warna putih (rim), paip C/S 10inch sch 80 dll.

Jadual 2 : Format Jadual Senarai Bahan

BIL	BAHAN	UKURAN	KUANTITI (Bahan:Calon)
1			
2			

- v. **Peralatan/Kelengkapan** – senarai peralatan/kelengkapan adalah peralatan, kelengkapan atau mesin yang diperlukan untuk melakukan kerja bagi menghasilkan produk, perkhidmatan atau keputusan. Kuantiti peralatan/kelengkapan yang disenaraikan hendaklah dinyatakan dalam nisbah bilangan calon dengan bilangan kemudahan yang ada. Jadual 3 menunjukkan format jadual peralatan/kelengkapan.

Jadual 3 : Format Jadual Peralatan/Kelengkapan

BIL	PERALATAN/ KELENGKAPAN	UKURAN	KUANTITI (Peralatan:Calon)
1			
2			

- vi. **Kriteria Penilaian** – kriteria penilaian adalah skop yang dinilai semasa calon melakukan kerja/tugasan yang diberikan. Kriteria penilaian hendaklah dinyatakan bagi memberi maklumat kepada calon berkaitan kriteria atau skop yang akan dinilai serta pemberian markah semasa calon melaksanakan kerja/tugasan. Kriteria penilaian hendaklah terdiri daripada:

- a. Perkara kritikal;
- b. Proses kerja;
- c. Hasil kerja; dan
- d. Sikap/Keselamatan dan Persekitaran.

- vii. **Skema Pemarkahan** - skema pemarkahan disediakan untuk memberi panduan kepada penilai bagi memberi markah kepada calon mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Kriteria yang akan dinilai berdasarkan kepada empat (4) komponen mengikut pecahan peratus seperti berikut:

- a. Perkara kritikal (60%);
- b. Proses kerja (25%);
- c. Hasil kerja (10%); dan
- d. Sikap/Keselamatan dan Persekitaran (5%).

a. Perkara Kritikal (60%)

- Perkara kritikal adalah kriteria utama yang dinilai semasa calon melaksanakan kerja/tugasan yang diberikan dan akan menentukan sama ada calon terampil atau belum terampil;
- Bilangan kriteria bagi perkara kritikal boleh terdiri daripada satu (1) atau lebih bergantung kepada bidang atau matlamat sesuatu tugas bagi bidang tersebut;
- Perkara kritikal adalah bergantung kepada jenis kerja/tugasan yang diberikan, iaitu:
 - Produk : kefungasian, mengikut ukuran/bentuk/rasa dan sebagainya.
 - Perkhidmatan : kepuasan pelanggan, prestasi, penyelesaian masalah, keputusan dan sebagainya.
 - Proses kerja : bagi bidang yang menjadikan prosedur sebagai perkara yang menentukan keterampilan calon. Contohnya, bidang *Non-Destructive Test* (NDT).
- Kegagalan calon mematuhi SOP sehingga menyebabkan kerosakan teruk kepada mesin dan peralatan atau kecederaan terhadap diri sendiri atau orang lain boleh mengakibatkan calon gagal dalam keseluruhan penilaian;
- Kesemua perkara kritikal perlu dinilai dan diterima untuk calon terampil dalam penilaian; dan
- Perkara yang dinilai pada Perkara Kritikal tidak boleh diulang pada Proses Kerja, Hasil Kerja dan Sikap, Keselamatan dan Persekitaran.

b. Proses Kerja (25%)

- Proses kerja merangkumi pematuhan langkah kerja utama bermula dari persediaan dan pelaksanaan sehingga menghasilkan produk, perkhidmatan atau keputusan mengikut prosedur yang ditetapkan;
- Tidak menilai perkara remeh temeh;
- Bilangan perkara yang dinilai bergantung kepada proses kerja yang perlu dilakukan; dan
- Kriteria kategori ini hendaklah dinyatakan dalam bentuk ayat yang lengkap dan boleh diukur.

c. Hasil Kerja (10%)

- Hasil kerja adalah produk, perkhidmatan atau keputusan yang dapat dihasilkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan;
- Bilangan perkara yang dinilai bergantung kepada hasil kerja yang dihasilkan; dan
- Kriteria kategori ini hendaklah dinyatakan dalam bentuk ayat yang lengkap dan boleh diukur.

d. Sikap/Keselamatan dan Persekitaran (5%)

- Sikap/keselamatan dan Persekitaran adalah aktiviti pematuhan terhadap *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi memastikan keselamatan diri, benda kerja dan mesin/peralatan/kelengkapan; dan
- Kriteria kategori ini hendaklah dinyatakan dalam bentuk ayat yang lengkap dan boleh diukur.

viii. Pemarkahan

- a. Pemarkahan terhadap perkara yang dinilai adalah merujuk kepada skema pemarkahan yang disediakan. Nilai markah yang diberikan adalah:
- 0** : Pelajar tidak melaksanakan kemahiran.
 - 1** : Pelajar melaksanakan sesuatu kemahiran dengan pengetahuan dan kemahiran yang minimum.
 - 2** : Pelajar hanya boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran.
 - 3** : Pelajar melaksanakan sesuatu kemahiran dengan pengetahuan dan kemahiran yang maksimum.
- b. Bagi kriteria perkara kritikal, hanya markah 60% akan diberi kepada kerja/tugas yang memenuhi kriteria kritikal yang ditetapkan dan tiada markah (0) kepada kerja/tugas yang tidak memenuhi kriteria kritikal yang ditetapkan. Jadual 4 menunjukkan format pemarkahan soalan penilaian prestasi.

Jadual 4 : Format Pemarkahan Soalan Penilaian Prestasi

NAMA CALON:		NO. K/P:
MASA MULA:	MASA TAMAT:	TARIKH:
SKALA PEMARKAHAN: 0=Tidak dilakukan/ Salah; 1=Tidak memuaskan; 2=Memuaskan; 3=Sangat memuaskan		
BHGN	KRITERIA YANG DINILAI	MARKAH
1.	Perkara kritikal – a% <i>(Kriteria yang calon mesti terampil dalam menyelesaikan tugas. Contoh: kefungisian, ukuran, kepuasan pelanggan, kerosakan/kecederaan dan sebagainya)</i>	Tandakan (/) pada ruangan Terima atau Tidak Terima bagi perkara kritikal berikut:
		Terima Tidak Terima
	1.1	
	:	
	1.n	
<i>(*Kriteria kritikal: Markah 60 diberi sekiranya semua perkara kritikal di atas diterima dan markah 0 sekiranya terdapat 1 atau lebih perkara kritikal tidak diterima)</i>		
Markah Diperolehi (%)		C1
2.	Proses kerja - b% <i>(Langkah kerja utama)</i>	
	2.1	A1
	2.2	A2
	:
	2.n	An
	Jumlah markah diberi	A = A1 + A2 + + An
	Jumlah markah penuh	B = Jumlah kriteria x markah penuh setiap kriteria = n x 3
Jumlah Markah Bahagian 2 (25%)	C2 = A/B x b%	
3.	Hasil kerja – c% <i>(Produk/Perkhidmatan disempurnakan mengikut spesifikasi)</i>	
	3.1	
	Jumlah markah diberi
	Jumlah markah penuh
	Jumlah Markah Bahagian 3 (10%)	C3
4.	Sikap/Keselamatan dan Persekitaran – d%	
	4.1	
	Jumlah markah diberi
	Jumlah markah penuh
Jumlah Markah Bahagian 4 (5%)		C4
JUMLAH MARKAH KESELURUHAN (Bahagian 1 + Bahagian 2 + Bahagian 3 + Bahagian 4)		C = C1 + C2 + C3 + C4

-
- A = Jumlah markah yang diberi berdasarkan penilaian penilai ke atas calon;
B = Jumlah markah penuh bagi bahagian yang berkenaan;
C_n = Jumlah markah bagi bahagian yang berkenaan mengikut peratus yang ditetapkan;
C = Jumlah Markah Keseluruhan yang diperolehi oleh calon; dan
a, b, c, d = Peratus yang ditetapkan bagi Bahagian yang berkenaan.

Keputusan: Terampil/ Tidak Terampil*

*(*potong yang mana tidak berkenaan)*

NAMA PEGAWAI PENILAI	
TANDATANGAN PEGAWAI PENILAI	
TARIKH	
ULASAN (jika ada)	

Contoh Soalan Penilaian Prestasi

NAMA : ABU BIN ALI

KOD CU :EE-010-2:2012-C01


Jenis Soalan	Keterampilan	No. <i>Work Activities</i> (WA)	Tempoh
Prestasi	Fakta/Teori/Prosedur/ Sikap/Keselamatan dan Persekitaran	WA 1, 2, 3, 4, 6	3 jam

A. TEMPOH : 3 JAM

B. KETERAMPILAN : BINA LITAR PERMAINAN ELEKTRONIK

C. TUGASAN

1. Anda dikehendaki membina satu litar alat permainan elektronik 'roda impian' untuk satu pertandingan reka cipta. Alat tersebut akan digunakan bagi memilih satu (1) daripada tujuh (7) pilihan hadiah yang disediakan dengan semua lampu pada alat permainan tersebut berfungsi sepenuhnya. Litar yang dibina hendaklah merujuk kepada Rajah 1 dengan mengikut cara kerja, penggunaan peralatan, bahan dan langkah keselamatan yang ditetapkan.
2. Anda dikehendaki melaksanakan pengujian litar untuk memastikan alat permainan tersebut berfungsi seperti yang ditetapkan.



Rajah 1: Litar Permainan Elektronik

D. SENARAI BAHAN

BIL	BAHAN	UKURAN	KUANTITI (Bahan:Calon)
1	Perintang (R1 dan R2 = 2.2K Ω)	-	2:1
2	Perintang (R3 = 10K Ω)	-	1:1
3	Perintang (R4 = 100K Ω)	-	1:1
4	Perintang (R5, R6, R7 dan R8 = 8.2K Ω)	-	4:1
5	Perintang (R9, R10, R11, R12, R13, R14 & R15 = 1K Ω)	-	7:1
6	Kapasitor (C1= 22uF 25V)	-	1:1
7	Kapasitor (C2 = 10nF 100V MKT)	-	1:1
8	<i>Diod</i> (D1, D2, D3, D4, D5 dan D6 = 1N4148)	-	6:1
9	<i>Diod</i> (D7, D8, D9, D10, D11, D12 & D13 = <i>Red led</i>)	-	7:1
10	<i>Integrated Circuit</i> (IC 1 = NE 555 / LM555)	-	1:1
11	<i>Integrated Circuit</i> (IC 2 = 4017B)	-	1:1
12	<i>Transistor</i> (Q1, Q2, Q3 & Q4 = BC550)	-	4:1
13	S1 = <i>normally open push button switch</i>	-	1:1
14	SL1 = 4 pin <i>connector</i> 2.54 mm <i>step</i>	-	1:1
15	<i>Strip Board</i>	-	1:1
16	<i>Wire</i> 0.5 mm <i>blue</i>	1 m	1:1
17	<i>Wire</i> 0.5 mm <i>red</i>	2 m	1:1
18	<i>Wire</i> 0.5 mm <i>green</i>	1 m	2:1
19	<i>Solder lead</i>	2 m	1 :1
20	<i>Solder flux</i>	-	1:1

E. PERALATAN/KELENGKAPAN

BIL	PERALATAN / KELENGKAPAN	UKURAN	KUANTITI (Peralatan:Calon)
1	Besi Pematerian (<i>Soldering iron</i>)	-	1:1
2	<i>Sucker</i>	-	1:1
3	Multimeter	-	1:1
4	Pemotong sisi (<i>Side cutter</i>)	-	1:1
5	<i>Long Nose</i>	-	1:1
6	Penggerudi Tangan (<i>Hand Drill</i>)	-	1:2

F. KRITERIA PENILAIAN

Prestasi anda akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:

1. Perkara Kritisal:

- a. Semua lampu menyala; dan
- b. Litar yang dibina adalah betul sebagaimana litar skematik yang diberikan.

2. Proses Kerja

Proses kerja bermula dari perancangan sehingga litar siap dengan mengambil kira aspek-aspek keselamatan.

3. Hasil Kerja

- a. Susunan dan pemasangan komponen elektronik;
- b. Susun atur litar; dan
- c. Hasil pematrian.

4. Sikap/ Keselamatan dan Persekitaran

- a. Mesin/Peralatan; dan
- b. Diri sendiri dan persekitaran.

PERINGATAN:

Sekiranya **perkara kritisal** ini tidak dilaksanakan atau tidak mengikut spesifikasi, maka calon dianggap tidak terampil bagi keseluruhan penilaian.

Keakuran			Ketepatan dan Kejelasan			Kesesuaian		
Standard	Spesifikasi	Peluang	Keterampilan	Kandungan	Keelasan	Masa	Penting	Keadilan
/	/	/	/	/	/	/	/	/
/	/	/	/	/	/	/	/	/

RUMUSAN (Tandakan (/) pada ruangan yang berkenaan):

SOALAN DITERIMA SEPENUHNYA	/	SOALAN DITERIMA DENGAN PINDAAN		SOALAN DITOLAK	
----------------------------	---	--------------------------------	--	----------------	--

Contoh Skema Pemarkahan Penilaian Prestasi:

NAMA CALON:		NO. K/P:		
MASA MULA:		MASA TAMAT:		
		TARIKH:		
Skala Pemarkahan: 0=Tidak dilakukan/ Salah; 1=Tidak memuaskan; 2=Memuaskan; 3=Sangat memuaskan				
BHGN	KRITERIA PENILAIAN	MARKAH		
1.	Perkara kritikal (60%)	Tandakan (/) pada ruangan Terima atau Tidak Terima bagi perkara kritikal berikut:		
		Terima	Tidak Terima	
	1.1 Semua lampu menyala.	/		
	1.2 Litar yang dibina adalah betul sebagaimana litar skematik yang diberikan.	/		
	(*Kriteria kritikal: Markah 60 diberi sekiranya semua perkara kritikal di atas diterima dan markah 0 sekiranya terdapat 1 atau lebih perkara kritikal tidak diterima)			
Markah Diperolehi (%)		60		
2.	Proses kerja (25%)			
	2.1 Bahan dan peralatan diperiksa mengikut senarai bahan dan peralatan.	3		
	2.2 Lakaran litar dibuat mengikut litar skematik yang diberikan.	3		
	2.3 Komponen elektronik disusun dan diatur mengikut lakaran litar.	3		
	2.4 Komponen elektronik dipasang di atas <i>strip board</i> .	2		
	2.5 Kerja pematrian dilakukan pada semua komponen mengikut kaedah yang betul.	1		
	2.6 Bahagian litar yang tidak perlu diputuskan mengikut prosedur bagi mengelakkan litar pintas.	2		
	2.7 Lebihan kaki komponen elektronik yang telah siap dipasang pada <i>strip board</i> dipotong menggunakan peralatan yang betul.	3		
	2.8 Litar yang siap dibina diuji mengikut kaedah yang betul.	2		
	Jumlah markah diberi		19	
	Jumlah markah penuh		24	
Jumlah Markah Bahagian 2 (%)		19.8		
3.	Hasil kerja (10%)			
	3.1 Susunan dan pemasangan komponen elektronik kemas dan teratur.	3		
	3.2 Hasil pematrian kemas.	3		
	3.3 Susunan wayar penyambungan betul dan teratur.	3		
	Jumlah markah diberi		9	
	Jumlah markah penuh		9	
Jumlah Markah Bahagian 3 (%)		10		
4.	Sikap/Keselamatan dan Persekitaran (5%)			
	4.1 Hadir penilaian tepat pada masa yang ditetapkan.	2		
	4.2 Maklumat dikumpul, diolah dan diaplikasi mengikut keperluan.	2		
	4.3 Peralatan dikendalikan mengikut teknik yang betul dan selamat serta disusun kemas selepas digunakan.	3		
	4.4 Berpakaian mengikut prosedur keselamatan.	3		
	4.5 Persekitaran kerja dibersihkan dan dikemaskan selepas kerja dilaksanakan.	3		
	Jumlah markah diberi		13	
	Jumlah markah penuh		15	
Jumlah Markah Bahagian 4 (%)		4.33		
JUMLAH MARKAH KESELURUHAN (Bahagian 1 + Bahagian 2 + Bahagian 3 + Bahagian 4)		94.13%		

Keputusan: Terampil/ Tidak Terampil*
(*potong yang mana tidak berkenaan)

NAMA PEGAWAI PENILAI	
TANDATANGAN PEGAWAI PENILAI	
TARIKH	
ULASAN (jika ada)	

7.2 Format Penulisan Soalan

i. Kaedah Penulisan 'Topi'

NAMA : ABU BIN ALI } 1.1 KOD CU :EE-010-2:2012-C01 } 1.2

Jenis Soalan	Keterampilan	No. <i>Work Activities</i> (WA)	Tempoh
Prestasi	- Fakta / Teori/ Prosedur/ Sikap/ Keselamatan dan Persekitaran	WA 1, 2, 3, 4, 6	3 jam

1.1	Nama panel pembangun soalan hendaklah ditulis bagi setiap soalan prestasi yang dibangunkan.
1.2	Kod CU hendaklah ditulis bagi setiap soalan prestasi yang dibangunkan dengan merujuk kepada CU.
1.3	Jadual ini dipanggil 'Topi' dan dibahagikan kepada empat (4) perkara: <ul style="list-style-type: none"> - Jenis Soalan: Prestasi - Keterampilan: Fakta/Teori/Prosedur/Sikap/Keselamatan dan Persekitaran. - No. <i>Work Activities</i> (WA): <ul style="list-style-type: none"> • Merupakan WA yang berkaitan dengan soalan yang dibangunkan. • Perlu merujuk CU. • Jika terdapat banyak WA yang terlibat, kod WA sahaja yang perlu ditulis seperti dalam contoh yang diberikan. - Tempoh: <ul style="list-style-type: none"> • Merupakan tempoh yang diperlukan oleh calon untuk melaksanakan tugas yang diberikan. • Tempoh hendaklah dinyatakan dalam jumlah yang spesifik iaitu tidak boleh dinyatakan dalam bentuk julat masa.

ii. Kaedah Penulisan Tugasan

Contoh 1

A. TEMPOH : 3 JAM } 2.1

B. KETERAMPILAN : BINA LITAR PERMAINAN ELEKTRONIK } 2.2

C. TUGASAN } 2.3

